

**Pengaruh Ketidakstabilan Politik terhadap Mata Wang Tempatan
(The Influence of Political Instability on Local Currencies)**

NOOR AINA IMAN AMLI & WAI-YAN WONG*

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh ketidakstabilan politik di Malaysia terhadap mata wang tempatan. Kajian ini dijalankan dengan membuat penelitian melalui perubahan kadar mata wang dengan menggunakan data sekunder dari tahun 2018-2020. Kajian ini menyokong dapatan kajian lepas yang mengkaji mata wang negara yang pernah mengalami krisis ekonomi politik seperti Amerika Latin, Myanmar, Korea Selatan, Thailand dan Mesir. Hasil dapatan kajian ini mendapat wujudnya korelasi yang positif pada dua situasi, iaitu semasa pertukaran Perdana Menteri pada tahun 2020 dan semasa seorang ahli politik mendakwa beliau mempunyai sokongan majoriti untuk membentuk kerajaan baharu. Sebaliknya, korelasi yang negatif ditemui semasa pertukaran Perdana Menteri pada tahun 2018. Keadaan politik yang tidak stabil akan meningkatkan volatiliti mata wang tempatan. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang diberikan untuk menurunkan ketidakstabilan politik seperti penggubalan undang-undang anti-lompat parti.

Kata kunci: Politik, Malaysia, ekonomi, mata wang, pilihan raya, darurat

ABSTRACT

This study was conducted to examine the correlation between the political instability that occurred in Malaysia and the fluctuation of its currency. This study was conducted using secondary data from the year 2018-2020. The result supports findings from previous studies whom investigated countries that have experienced political economic crises such as Latin America, Myanmar, South Korea, Thailand and Egypt. We found that a positive correlation with the local currency when there was a change of Prime Minister in the year 2020 and when one politician announces that he has the majority support to form a new government. On the other hand, we found a negative correlation during the change of Prime Minister in the year 2018. Unstable political conditions will increase the volatility of the local currency. Thus, some suggestions were provided to decrease political instability such as the enactment of anti-party hopping laws.

Keywords: Politics, Malaysia, economy, currency, elections, emergency

PENGENALAN

Hampir setiap negara pernah melalui krisis politik ekonomi sama ada untuk jangka masa yang pendek ataupun jangka masa panjang. Kemelut politik mampu membawa kesan buruk kepada sesebuah negara dari segi ekonomi, pasaran saham, dan imej. Kestabilan politik bagi sesebuah negara amat penting kerana ia memberikan kesan besar kepada ekonomi untuk terus berkembang dan memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Situasi politik di Malaysia mungkin memberikan dapatan yang berbeza kerana ia merupakan kali pertama kerajaan pusat bertukar. Ia memberikan faktor kejutan yang tinggi kepada pelabur kerana pelabur tidak dapat menjangkakan apa yang akan berlaku selepas pertukaran kerajaan.

Kajian ini memfokuskan kepada kesan ketidakstabilan politik di Malaysia terhadap mata wang tempatan Ringgit Malaysia (RM) dari tahun 2018 sehingga 2020. Malaysia telah mengalami kemelut politik yang berpanjangan sejak Pilihan Raya Umum yang ke-14 (PRU 14) dijalankan pada 9 Mei 2018 yang mana parti yang telah mentadbir Malaysia selama lebih 60 tahun tidak mendapat mandat untuk meneruskan pentadbiran. Peralihan kuasa mentadbir negara itu memberi impak yang besar kepada rakyat kerana pelbagai spekulasi yang tidak jelas digembar-gemburkan mengenai kerajaan baharu yang akan memimpin Malaysia. Setelah kerajaan baru mentadbir, terdapat beberapa polisi dan dasar baharu diperkenalkan dan diperbaharui bagi menambahbaik sistem pentadbiran yang lebih positif. Pergolakan politik menjadi lebih teruk apabila terdapat segelintir ahli politik disiasat oleh polis dan dihadapkan ke mahkamah.

Setelah dua tahun, timbul suatu isu dimana berlaku pertikaian kuasa pada 21 Februari 2020 akibat penyerahan jawatan Perdana Menteri. Pelbagai konflik dan krisis berlaku antara parti politik yang menyebabkan kebuntuan kerajaan untuk menyelesaikan kemelut politik sehingga semua ahli parlimen diminta untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan jalan penyelesaian untuk masalah tersebut. Setelah beberapa pertemuan, perbincangan dan mesyuarat dilakukan, pelantikan Perdana Menteri dan pembentukan kabinet baharu dimeterai tetapi keputusan tersebut masih dipersoalkan oleh segelintir ahli parlimen.

Setelah beberapa bulan kepimpinan kabinet baharu, perubahan politik tersebut telah mula diterima oleh orang ramai berikutan tindakan pantas kerajaan dalam membendung penularan virus COVID-19. Namun begitu, dalam keadaan pandemik yang sedang melanda dunia, kemelut politik di Malaysia masih

berlarutan. Dakwaan yang dibangkitkan oleh seorang ahli parlimen adalah bahawa beliau mendapat sokongan majoriti daripada seramai 120 orang ahli parlimen, iaitu melebihi 50% daripada jumlah ahli parlimen¹. Beliau menghadap YDP Agong pada 13 Oktober 2020 di Istana Negara untuk mengemukakan sokongan yang beliau peroleh. Namun, beliau tidak mendapat persetujuan daripada YDP Agong untuk membentuk kerajaan yang baru kerana beliau dikatakan hanya memberikan jumlah ahli parlimen yang menyokongnya dan bukan nama setiap ahli parlimen yang menyokongnya.

Berikutkan isu tersebut, ia sedikit sebanyak telah mendorong kerajaan semasa untuk bercadang melaksanakan darurat bagi mengawal ketidakstabilan yang sedang berlaku. Perdana Menteri menyatakan bahawa pelaksanaan darurat merupakan salah satu usaha untuk memutuskan rangkaian penularan virus COVID-19. Perdana Menteri bersama ahli-ahli kabinet membuat suatu perjumpaan tergempar bersama YDP Agong di Istana Abdul Aziz, Indera Mahkota, Pahang bagi mempersempahkan cadangan tersebut agar darurat dapat dilaksanakan. Namun begitu, cadangan pelaksanaan darurat tidak dapat dilakukan kerana tidak mendapat perkenan daripada YDP Agong dan Majlis Raja-raja.

Krisis-krisis politik yang telah melanda negara sedikit sebanyak memberi kesan terhadap ekonomi Malaysia terutamanya mata wang tempatan. Dalam kajian ini, penelitian dilakukan terhadap kadar mata wang tempatan sama ada mengalami penurunan atau sebaliknya apabila spekulasi masalah politik semakin rancak. Oleh itu, objektif bagi kajian ini adalah untuk menunjukkan bahawa ketidakstabilan politik mempunyai korelasi dengan mata wang tempatan.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat pelbagai faktor mempengaruhi kejatuhan mata wang, namun dalam kajian ini kami memfokuskan kepada sejauhmana ketidakstabilan politik memberi kesan terhadap mata wang tempatan. Pergantian pilihan raya dan ketidakstabilan politik merupakan salah satu faktor berlakunya krisis ekonomi (Remmer, 1991). Hal ini kerana krisis dalaman negara yang dialami akan memberi impak kepada naik turun nilai mata wang, keluaran dalam negara kasar dan inflasi (Remmer, 1991). Menurut Rakham (2020), keadaan politik yang tidak stabil dan infrastruktur yang tidak baik turut menjadi penyebab kepada ekonomi domestik yang semakin merudum. Berdasarkan kajian lepas oleh Remmer (1991), penyelidik mengkaji hubungan antara krisis ekonomi dengan pilihan raya demokratik berdasarkan

¹ Di bawah Artikel 43(2)(a), seseorang Perdana Menteri mesti mempunyai sokongan majoriti ahli Parlimen.

pengalaman Amerika Latin pada tahun 1980an. Wilayah tersebut menjalani proses transformasi politik yang mengakibatkan siri pilihan raya yang terbesar dan terpanjang dalam sejarah. Ini telah menyebabkan Amerika Latin dilanda krisis ekonomi yang teruk. Menurut Pengistiharan Insolvensi Kewangan Mexico, semua negeri di negara Amerika Latin menghadapi masalah yang teruk dimana jumlah hutang terkumpul berada pada tahap yang tinggi dengan akses terhad kepada kewangan luar pada pertengahan 1982. Pada akhir 1980an, inflasinya melonjak ke tahap yang sangat tinggi, iaitu 52%. Ini seterusnya mengakibatkan taraf hidup rakyat dan kapasiti pelaburan semakin merosot (GDP Mexico turun sebanyak 6.2%). Pilihan raya yang dijalankan dan pergelutan politik yang berlaku dilihat sebagai punca ketara kepada peningkatan inflasi, taraf hidup yang menurun dan kemerosotan ekonomi yang lain di Amerika Latin. Mengikut Diamond dan Linz (1989), ancaman krisis ekonomi merupakan sebuah ancaman yang biasa terjadi terhadap kestabilan politik.

Selain Remmer (1991), Frieden (2000) juga telah menjalankan sebuah kajian yang mengkaji kesan ekonomi politik terhadap polisi kadar pertukaran Amerika Latin. Berdasarkan Freiden (2000), terdapat bukti kukuh bahawa peristiwa penting politik seperti pilihan raya dan perubahan kerajaan mempengaruhi kadar pertukaran nominal atau lebih khusus lagi, penurunan cenderung ditangguhkan menjelang pilihan raya dan biasanya akan terjadi apabila kerajaan baru mengambil alih mentadbir negara. Hasil kajian Willett (2007) menyatakan bahawa sebuah negara yang mempunyai kerajaan yang lemah dan keadaan politik yang tidak stabil perlu sentiasa peka dengan kemungkinan ancaman kadar pertukaran mata wang. Perkembangan politik turut mempengaruhi tekanan spekulatif secara langsung walaupun dasar ekonomi tidak dapat membuat perubahan dengan segera. Oleh itu, ketidakstabilan politik yang berpunca daripada pilihan raya akan mempengaruhi ekonomi negara untuk jangka masa panjang.

Isu politik ekonomi turut berlaku di Korea Selatan di mana Presiden wanita pertama Korea, Park Geun Hye terlibat dalam skandal politik yang membabitkan kecuaian beliau dalam mengurus isu feri Sewol yang tenggelam pada 16 April 2014. Selain itu, beliau juga dikatakan terlibat dalam skandal korupsi yang melibatkan politik dan perniagaan elitnya dan kedua-dua isu tersebut telah mencetuskan protes dalam kalangan masyarakat Korea Selatan (BBC News, 2018). Skandal itu mula terbongkar pada 2016 dengan kebocoran maklumat rahsia yang berkait dengan teman lama Park Geun Hye iaitu, Choi Soon Sil. Kebocoran rahsia menyebabkan lebih ramai golongan

elit yang terpalit. Antaranya adalah beberapa pekerja sektor kerajaan dan Ketua Eksekutif Samsung, Lee Jae Yong. Setelah didapati bersalah, jawatan Presiden yang disandang oleh Park Geun Hye dilucutkan oleh Mahkamah Perlembagaan Korea dan diganti dengan Moon Jae In melalui pilihanraya presiden baru pada May 2017. Tambahan lagi, Park Geun Hye dijatuhi hukuman penjara selama 24 tahun dan didenda sebanyak 18 bilion won (BBC News, 2018). Berikutan isu-isu yang melibatkan Park Geun Hye, ekonomi Korea Selatan pada 2016 menunjukkan penurunan. Berdasarkan John Manning (2017), ekonomi Korea Selatan berkembang dalam keadaan perlahan sepanjang 2016 dan dijangka berterusan sepanjang tahun 2017. Justeru, ia mendorong kerajaan Korea Selatan untuk menurunkan prospek pertumbuhan ekonomi daripada 3.0% menjadi 2.6%.

Thailand juga mengalami ketidakstabilan politik semasa berada di bawah pentadbiran Yingluck Shinawatra pada tahun 2013-2014. Mereka mendakwa beliau atas kesalahan pengabaian tugas dalam mengawasi skim subsidi beras yang menyebabkan kerugian 500 juta baht terhadap ekonomi, salah urus dan korupsi. Bukti-bukti yang meyakinkan turut dikemukakan untuk memastikan segala dakwaan ke atasnya adalah benar (Kewison, 2015). Menurut Kewison (2015), polisi skim beras itu telah diperkenalkan semasa pentadbiran Thaksin Shinawatra dan diteruskan oleh Yingluck. Namun, dalam tempoh kerajaan Yingluck, skim tersebut menjadi semakin mahal dan perkara tersebut menimbulkan rasa curiga dalam kalangan ahli politik dan bimbang bahawa hal ini akan mengancam kawalan sosial, ekonomi dan politik di Thailand. Akhirnya, Yingluck Shinawatra didapati bersalah dan beliau dilarang daripada terlibat dalam perihal politik selama 5 tahun (Murdoch, 2015). Tambahan lagi, ekonomi Thailand juga terjejas berpunca daripada penggulingan pentadbiran Yingluck Shinawatra. Perkara ini telah menyebabkan taraf hidup rakyat Thai semakin meningkat kerana beras dijual dengan harga yang tinggi melebihi harga pasaran global (BBC News, 2015).

Ketidakstabilan politik yang terjadi dan kesannya kepada ekonomi juga terjadi di negara Arab Saudi di mana berlaku kejadian ‘Arab Spring’ yang memberi kesan kepada matawang negara tersebut. ‘Arab Spring’ adalah suatu kejadian tunjuk perasaan yang terjadi antara kerajaan dengan anti-pemerintah dan pemberontak bersenjata pada awal tahun 2010. Kejadian ini bermula di Tunisia dan kemudian tersebar di sebahagian besar dunia Arab iaitu Libya, Mesir, Yaman, Syria dan Bahrain. Ekonomi politik Arab yang tidak kondusif dalam melaksanakan sistem demokrasi

di negara-negara tersebut telah menyebabkan pekara terjadinya kekacauan tersebut (Robert, 2011). Tambahan lagi, Robert (2011) menyatakan bahawa majlis tertinggi angkatan bersenjata yang mengambil alih kekuasaan di Mesir atas nama tentera pada 11 Februari beranggapan ketidakstabilan makroekonomi tidak begitu penting berbanding mendapatkan penerimaan polisi baru dan menjanjikan kestabilan politik yang lebih tinggi. Pada 25 Januari 2011, protes ‘Arab Spring’ mula tersebar dan serangan telah bermula pada 28 Januari 2011 di Mesir selama 18 hari. Pada masa tersebut, kerajaan Mesir berusaha untuk mengurangkan akses internet bagi menghalang para penunjuk perasaan daripada menggunakan media sosial untuk menyebarkan aktivitisme tersebut. Berikutan protes yang berterusan, Presiden Hosni Mubarak terpaksa membubarkan kerajaan pimpinannya serta melantik ahli kabinet yang baru. Pada 10 Februari 2011, Presiden Mubarak menyerahkan semua kuasanya kepada Timbalan Presiden, Omar Suleiman tetapi sejurus pengumuman tersebut, beliau mengumumkan sekali lagi bahawa beliau berhasrat menjadi Presiden semula. Namun begitu, Omar Suleiman membuat pengumuman tergempar tentang perletakkan jawatan Mubarak sebagai Presiden dan dipindahkan ke Pasukan Bersenjata Mesir. Oleh kerana kekeliruan yang berlaku dalam politik, tentera Mesir membubarkan parlimen Mesir, menggantung perlembagaan Mesir dan membatalkan darurat negara itu. Setelah itu, Hosni Mubarak dan Habib el-Adly dijatuhi hukuman penjara seumur hidup kerana mereka gagal menghentikan protes dan pembunuhan yang berlaku sepanjang Revolusi Mesir 2011. Jawatan Hosni digantikan dan diberi kepada Mohamed Morsi yang dilantik secara demokrasi buat pertama kali di Mesir. Namun begitu, protes masih berlanjut pada 22 November 2012. Apabila protes dan penunjuk perasaan masih berleluasa dan mengganas, tentera Mesir menggulingkan kerajaan gantian yang baru dan jawatan Presiden Morsi ditarik balik pada 3 Julai 2012. Kami menganalisis kadar mata wang Mesir bagi membuktikan ketidakstabilan politik akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi.

Kadar mata wang dan perubahan yang turut berlaku pada Egyptian Pound (EGP) sepanjang peristiwa ‘Arab Spring’ di Mesir selama 3 tahun. Pada 25 Januari 2011, tiada perubahan yang berlaku ke atas mata wang EGP (0.00%) kerana serangan daripada kumpulan protes terjadi pada 28 Januari 2011. Setelah serangan dijalankan, kadar mata wang EGP tidak mengalami perubahan iaitu 0.00% selama 9 hari. Pada 10 Februari 2011, kadar mata wang menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.01% dan menurun kepada 0.00% sehingga 20 Februari 2011. Pada 22 November

2012, terdapat penurunan pada perubahan kadar mata wang iaitu sebanyak -0.15% disebabkan oleh kumpulan protes yang semakin agresif membuatkan kerajaan semakin goyah. Pada 3 Julai 2013, perubahan mata wang meningkat dengan tinggi iaitu 0.14% kerana pentadbiran yang gagal membanteras protes tersebut berjaya digulingkan dengan kuasa tentera. Secara purata keupayaan mata wang EGP untuk menurun dan meningkat selama 3 tahun adalah 0.000199. Nilai purata yang kecil membuktikan bahawa ekonomi negara Mesir pada waktu itu berada di tahap yang sangat lemah berpunca daripada kedudukan politik yang tidak kukuh.

Penyataan Hipotesis

Kemelut politik yang berpanjangan berupaya untuk menjaskan ekonomi negara dan cenderung untuk semakin merosot pada masa akan datang. Ekonomi negara yang semakin merudum turut memberi kesan kepada kejatuhan mata wang negara. Tambahan lagi, pelabur luar menyelidik semula prestasi ekonomi Malaysia bagi membuat pelaburan jangka panjang dan menyebabkan pelabur meragui pertumbuhan ekonomi Malaysia. Hal ini kerana, ekonomi negara yang tidak kukuh akan menyebabkan pelabur luar mula meragui pendirian ekonomi Malaysia. Pertukaran kuasa mentadbir yang berlaku pada PRU 14 menimbulkan ketidakstabilan politik apabila parti-parti tersebut mula berbalah dan sesetengahnya tidak dapat menerima kekalahan tersebut. Setelah 2 tahun, Malaysia sekali lagi menghadapi penukaran tonggak pentadbiran. Pada masa itu, ekonomi negara masih dalam tempoh pemulihan dan ekonomi menjadi semakin goyah. Oleh itu, ketidakstabilan politik berhubungan negatif dengan nilai mata wang.

H1: Ketidakstabilan politik mempunyai korelasi negatif dengan nilai mata wang tempatan.

Pertukaran kuasa dari satu parti politik ke satu parti lain biasanya akan menyebabkan ahli politik yang memerintah akan mengubah dasar polisi semasa bagi menyesuaikan dasar-dasar tersebut dengan keadaan semasa. Perubahan ini juga merangkumi semua aspek terutamanya dalam aspek ekonomi negara. Hal ini kerana pemimpin semasa ingin menilai dari segi keupayaan kewangan negara untuk meneruskan pembangunan. Sekiranya perubahan yang dilakukan tidak menepati keadaan semasa, berkemungkinan sektor ekonomi akan terjejas dan menyebabkan kejatuhan mata wang. Keceluaran dalam pembangunan ekonomi boleh tercetus jika kesepakatan dalam menggubal dasar-dasar

dan polisi tidak dicapai. Maka, perubahan dasar dan polisi negara berhubungan negatif dengan nilai mata wang tempatan.


H2: Perubahan dasar dan polisi negara mempunyai korelasi negatif dengan nilai mata wang tempatan.

Dalam tahun 2020, Malaysia telah menukar Perdana Menteri sebanyak 2 kali hasil daripada sistem demokrasi negara dan juga perletakan jawatan secara sukarela oleh Perdana Menteri. Pertukaran Perdana Menteri berkemungkinan memberi kesan terhadap ketidakseimbangan dalam pentadbiran dan turut

memberi kesan kepada ekonomi apabila ekonomi negara tidak dapat diuruskan secara telus. Hal ini sekaligus memberikan impak kepada mata wang negara yang semakin terumbang-ambing. Maka, pertukaran Perdana Menteri berhubungan negatif dengan nilai mata wang.

H3: Pertukaran Perdana Menteri mempunyai korelasi negatif dengan nilai mata wang tempatan.

KAEDAH KAJIAN DAN DATA



RAJAH 1. Tarikh-tarikh penting ketidakstabilan politik di Malaysia

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kuantitatif data sekunder yang dimuat turun daripada laman web investing.com dari 1 Februari 2018 sehingga 30 Oktober 2020. Analisis data sekunder dilakukan secara penelitian data mata wang dari tarikh 19 Mei 2018 sehingga 23 Oktober 2020. Analisis data sekunder melibatkan penggunaan semula data kuantitatif yang sedia ada (Heaton, 2008). Data sekunder boleh digunakan bagi mengukuhkan dan memberikan pengesahan terhadap kajian yang lepas. Analisis sekunder juga dapat dilakukan dengan menggunakan set data yang diperoleh melalui perkongsian data yang tidak rasmi. Berikut adalah garis masa tarikh-tarikh yang diekstrak mengikut situasi politik yang ingin dikaji:


Tarikh-tarikh tersebut didapati dari akhbar-akhbar tempatan atas talian seperti Berita Harian dan laman web Wikipedia. Tarikh-tarikh tersebut juga dipilih kerana berlakunya masalah politik di Malaysia yang menggugat kestabilan politik. Titik permulaan krisis politik di Malaysia terjadi pada 19 Mei 2018 dimana pilihanraya umum yang ke-14 itu menukar kerajaan yang telah mentadbir Malaysia selama lebih 60 tahun. Maka, segala struktur politik mula berubah dan usaha kerajaan tersebut untuk mendapatkan kepercayaan rakyat. Seterusnya, krisis terjadi pada 1 Mac 2020 dimana kerajaan sekali lagi ditukar. Pertukaran Perdana Menteri menyebabkan ketidakpuasan hati pada

kalangan rakyat dan kekeliruan dalam pentadbiran negara kerana pertukaran kerajaan ini tidak dijalankan secara demokrasi. Bagi tarikh 13 Oktober 2020, situasi tersebut menunjukkan perebutan kuasa boleh menggugat kestabilan politik sedia ada. Oleh itu, kajian ini ingin membuktikan bahawa perebutan kuasa dalam politik akan memberi kesan kepada nilai mata wang negara. Tarikh berikutnya iaitu 23 Oktober 2020 dipilih untuk penelitian kerana cadangan untuk memulihkan kerajaan dengan melaksanakan darurat. Kajian ini ingin membuktikan bahawa pelaksanaan darurat akan memberi kesan kepada ekonomi negara. Tarikh-tarikh yang dipilih untuk dibuat penelitian adalah berkait antara satu sama lain.

Hasil penelitian dianalisa secara bergraf menggunakan kombinasi graf garis antara dua pembolehubah iaitu harga dan perubahan. Tarikh-tarikh akan diplot di dalam graf sebagai penanda kepada korelasi antara isu politik dan ekonomi negara. Hasil penelitian dinilai berdasarkan perubahan mata wang dalam peratusan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Rajah 2 menunjukkan deskripsi pergerakan turun-naik matawang RM dari tahun 2018 sehingga 2020. Peristiwa pertama yang berlaku pada 9 Mei 2018 iaitu



RAJAH 2. Nilai dan perubahan mata wang RM/USD dari tahun 2018-2020. Garisan menegak hitam menunjukkan masa ketidakstabilan politik berlaku.

semasa PRU-14 dijalankan, tiada sebarang perubahan (0.00%) yang berlaku pada mata wang selama 4 hari berturut-turut. Setelah ramalan kemenangan parti politik pembangkang akan mengalahkan parti politik semasa terbukti, rakyat memberikan kepercayaan terhadap pentadbiran baharu. Pertukaran kerajaan yang mendapat mandat rakyat telah memberikan keyakinan kepada pelabur dan justeru menyebabkan peningkatan kadar mata wang tempatan sebanyak 0.139%.

Setelah hampir dua tahun menjadi kerajaan, kestabilan kedudukan parti tersebut menjadi goyah apabila rakyat mula mendesak kerajaan tersebut untuk digantikan kerana sesetengah manifesto yang dijanjikan tidak terlaksana. Semasa pertukaran Perdana Menteri yang dibuat secara tidak tersangka, kadar mata wang menurun sebanyak -0.239% dan terus menurun sehingga --0.457%. Bagi peristiwa ini, H3 dan H2 diterima kerana pertukaran kerajaan secara drastik memberi kesan yang besar kepada ekonomi negara dan turut memberi kesan kepada matawang tempatan. Tambahan lagi, kerajaan baru yang mentadbir berusaha untuk memulihkan semula ekonomi Malaysia yang semakin goyah dengan menggubal semula polisi dan meneliti dasar kewangan negara.

Kedudukan kerajaan semasa yang sedang mentadbir sering digugat apabila terdapat ahli politik yang cuba mendapatkan jawatan Perdana Menteri dengan menyatakan sokongan majoriti yang diterima daripada ahli parliment. Ketidakstabilan kerajaan yang

berlaku pada 13 Oktober 2020 menyebabkan matawang tempatan mengalami penurunan sebanyak -0.048%. Maka, peristiwa ini membuktikan bahawa H1 dapat disokong kerana perebutan jawatan antara ahli politik boleh mencetuskan krisis politik.

Setelah itu tersebut, kestabilan kerajaan menjadi tidak kukuh dan menyebabkan barisan pemerintah memberi cadangan untuk melaksanakan darurat bagi menggantung parliment buat sementara waktu. Namun, cadangan ini tidak dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong dan sekaligus tidak memberikan sebarang kesan negatif kepada kadar matawang negara. Perubahan yang positif bagi mata wang pada 23 Oktober adalah 0.325% walaupun berlaku pelbagai spekulasi tentang pelaksanaan darurat. Oleh itu, peristiwa ini tidak dapat menyokong H1 kerana cadangan pelaksanaan tersebut tidak dipersetujui dan darurat politik tersebut tidak dijalankan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, ketidakstabilan politik dalam sesebuah negara sedikit sebanyak memberi kesan kepada mata wang tempatan. Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan yang telah dianalisa, kita dapat lihat bahawa politik yang tidak stabil seperti yang berlaku di Malaysia akan menyebabkan kesan pada ekonomi negara seperti yang berlaku pada 19

Mei 2018. Ia digunakan sebagai titik permulaan kepada krisis politik yang turut menggugat ekonomi negara di mana tiada peningkatan ditunjukkan dalam masa empat hari. Namun, pertukaran kerajaan pada masa itu mendapat mandat rakyat untuk memulihkan semula keharmonian Malaysia. Seterusnya, kestabilan politik tidak dapat dikenalkan dan kerajaan terpaksa ditukar sekali lagi. Hal ini menyebabkan mata wang tempatan turut terjejas dah telah mencapai perubahan yang negatif. Tambahan lagi, campur tangan pihak pembangkang juga dapat menggugat kedudukan kerajaan. Perebutan jawatan Perdana Menteri semasa kerajaan sedang berusaha memulihkan status politik dan ekonomi boleh menyebabkan mata wang negara turun sehingga mencapai negatif. Berikutnya masalah-masalah tersebut, kerajaan terpaksa melaksanakan proklamasi darurat bagi mengekang masalah politik namun tidak diperkenan oleh YDP Agong. Penolakan tersebut membolehkan status ekonomi negara pada berada pada kadar perubahan yang positif. Oleh itu, setiap krisis politik perlu ditangani bagi mengelakkan kegoyahan dalam ekonomi negara.

Antara cadangan yang dapat dilakukan bagi memulihkan keadaan politik daripada berlaku pergelutan adalah penggubalan undang-undang bagi perlantikan ahli parlimen dan pelaksanaan undang-undang anti-lompat parti bagi ahli-ahli politik (Azni, 2020). Cadangan ini bertujuan untuk mengelakkan perebutan kuasa antara ahli politik dan menggalakan kesepakatan dalam membuat keputusan pentadbiran. Selain itu, perlantikan ahli parlimen yang berkelayakan dapat memberikan buah fikiran yang bermanfaat dan dapat memajukan institusi pentadbiran negara. Kegiatan lompat parti merupakan punca utama kepada krisis politik negara (Malaysia Gazette, 2020). Berdasarkan Leong (2020) melalui akhbar Berita Awani menyatakan bahawa 50% rakyat Malaysia percaya pelaksanaan dasar anti-lompat parti dapat mengelakkan krisis politik. Tinjauan ini dilakukan oleh pusat penyelidikan swasta ‘Centre for Governance and Political Studies’. Selain itu, pelantikan ahli parlimen perlulah mengutamakan cara demokrasi yang telah dijanjikan kepada rakyat. Hal ini kerana, rakyat telah diberikan mandat untuk memilih pemimpin yang layak memimpin. Sekiranya demokrasi dijalankan secara tidak adil, berkemungkinan besar akan terjadi pemberontakan dan protes yang boleh memusnahkan keamanan negara seperti yang terjadi di Arab Saudi.

Bagi pengukuhan ekonomi, kerajaan perlulah menetapkan dasar fiskal dan dasar ekonomi secara telus terutamanya dalam keadaan politik yang tidak stabil kerana ia akan membantutkan pemulihan kewangan negara. Belanjawan tahunan perlulah dibuat seiring

dengan keperluan dan pembangunan negara bagi mengelakkan defisit. Hal ini kerana, ekonomi negara yang goyah akan menjadikan keyakinan pelabur luar negara untuk melabur ke negara kita. Sekiranya ekonomi negara yang tidak kukuh berlarutan, perkara ini turut memberi kesan kepada taraf hidup rakyat. Oleh itu, kerajaan perlulah mengelakkan sebarang persengketaan di dalam politik kerana krisis politik akan memberi kesan buruk kepada ekonomi dan mata wang negara.

RUJUKAN

- Arab Spring. (n.d). Retrieved February 01, 2021, from [\(2011\)](https://en.wikipedia.org/wiki/Arab_Spring#Egypt)
- Armbrust, W. (2011, February 24). *Egypt: A revolution against neoliberalism?* Asia Pacific News | Al Jazeera. <https://www.aljazeera.com/opinions/2011/2/24/egypt-a-revolution-against-neoliberalism/>
- Azni, E. S. (2020, November 23). Azalina anjur tiga langkah atasi kemelut politik. Sinarhariani. <https://www.sinarhariani.com.my/article/111556/BERITA/Nasional/Azalina-anjur-tiga-langkah-atasi-kemelut-politik>
- BBC News. (2018, April 6). *South Korea's presidential scandal.* <https://www.bbc.com/news/world-asia-37971085>
- Dibeh, G. (2002). *The Political Economy of Inflation and Currency Depreciation in Lebanon, 1984-92. Middle Eastern Studies*, 38(1), 33–52.
- Fermin-Robbins, J. (2018). The Impeachment of South Korean President Park Geun-hye. Carnegie Council for Ethics in International Affairs, 1-7.
- Fielding, D., & Shortland, A. (2005). How does political violence affect confidence in a local currency? Evidence from Egypt. *Journal of International Development*, 17(7), 841-866.
- Frieden, J., Ghezzi, P., & Stein, E. (2000). Politics and exchange rates in Latin America. *Inter-American Development Bank research network working paper N°R-421*.
- Heaton, J. (1998). Secondary analysis of qualitative data. *Social research update*, 22(4), 88-93.
- Hewison, K. (2015) Yingluck impeachment is an execution of Thai democracy. The Conversation, 27 January 2015.
- InternationalBanker. (2017, January 23). *The Economic Impact of South Korea's Presidential Impeachment.* <https://internationalbanker.com/finance/economic-impact-south-koreas-presidential-impeachment/>
- Leblang, D., & Satyanath, S. (2008). Politically generated uncertainty and currency crises: Theory, tests, and forecasts. *Journal of International Money and Finance*, 27(3), 480-497.
- Leong, E (2019, February 15) Langkah perkukuh ekonomi negara. HM Online. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2019/02/423337/langkah-perkukuh-ekonomi-negara>

- perkukuh-ekonomi-negara
- MalaysiaGazette, W. (2020, December 14). *Ahli Parlimen lompat parti punca krisis politik negara-Kajian*. MalaysiaGazette. <https://malaysiagazette.com/2020/12/14/ahli-parlimen-lompat-parti-punca-krisis-politik-negara-kajian/>
- Malik, A., & Awadallah, B. (2013). The economics of the Arab Spring. *World Development*, 45, 296-313.
- Murdoch, L. (2015, January 23). *Yingluck Shinawatra, Thailand's former PM, impeached*. The Sydney Morning Herald. <https://www.smh.com.au/world/yingluck-shinawatra-thailands-former-pm-impeached-20150123-12x02e.html>
- Rakhman, R. A. (2020). Di Balik Ketergantungan Zimbabwe terhadap Investasi Tiongkok Pasca Nasionalisasi Yuan sebagai Mata Uang Zimbabwe. *Jurnal Sentris*, 1(1), 30-39.
- Remmer, K. L. (1991). The political impact of economic crisis in Latin America in the 1980s. *The American Political Science Review*, 777-800.
- Rudiger Dornbusch, Ilan Goldfajn, Rodrigo O. Valdés, Sebastian Edwards and Michael Bruno (1995). *Currency Crises and Collapses. Brookings Papers on Economic Activity, 1995(2)*, 219–293.
- Springborg, Robert (2011). The Political Economy of the Arab Spring. *Mediterranean Politics*, 16(3), 427–433.
- Stokke, K., Vakulchuk, R., & Øverland, I. (2018). Myanmar: A political economy analysis.
- The Editors of Encyclopaedia Britannica. (2021, January 27). *Arab Spring | History, Revolution, Causes, Effects, & Facts*. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/event/Arab-Spring>
- USD EGP Historical Data. (n.d.). Retrieved January 20, 2021, from <https://www.investing.com/currencies/usd-egp-historical-data>
- USD MYR Historical Data. (n.d.). Retrieved November 20, 2020, from <https://www.investing.com/currencies/usd-myr-historical-data>
- Wikipedia contributors. (2021, February 10). *Impeachment of Park Geun-hye*. Wikipedia. https://en.wikipedia.org/wiki/Impeachment_of_Park_Geun-hye
- Willett, T. D. (2007). Why the middle is unstable: the political economy of exchange rate regimes and currency crises. *World Economy*, 30(5), 709-732.
- Yingluck Shinawatra impeachment hearing begins in Thailand. (2015, January 9). *The Guardian*. Retrieved February 15, 2021, from <https://www.theguardian.com/world/2015/jan/09/thai-legislature-to-begin-impeachment-hearing-against-ousted-prime-minister-0>
- Yingluck Shinawatra: Ex-Thai PM rejects impeachment hearing allegations. (2015, January 9). *BBC News*. Retrieved February 15, 2021, from <https://www.bbc.com/news/world-asia-30738604>

Noor Aina Iman Aml & Wai-Yan Wong*
 Fakulti Ekonomi & Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: wongwy@ukm.edu.my

Diserahkan: 11 Jun 2021
 Diterima: 12 Ogos 2021